

**MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 1 SPM 2021**

**1249/1**

**SEJARAH SPM**

Kertas 1

1 jam

Satu jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu, A,B,C dan D. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

1249/1

[Lihat sebelah

**SULIT**

1 Kesultanan Johor-Riau telah mewarisi ciri-ciri negara bangsa dari Kerajaan Alam Melayu.

Apakah aspek yang ditekankan dalam membentuk negara bangsa Kesultanan Melayu Riau?

- A Perkembangan ekonomi
- B Kekuatan ketenteraan
- C Penguasaan wilayah
- D Kepentingan Islam

2 Pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka telah diperkuuh dengan sistem pentadbiran kerajaan yang teratur.

Apakah sistem pentadbiran tersebut?

- A Kerajaan Berpusat
- B Raja Berperlembagaan
- C Pembesar Empat Lipatan
- D Wilayah Naungan

3 Berikut ialah senarai tugas pembesar Melaka.

- Penasihat sultan
- Ketua turus angkatan tentera

Siapakah pembesar Melaka yang bertanggungjawab melaksanakan tugas tersebut?

- A Bendahara
- B Laksamana
- C Temenggung
- D Penghulu Bendahari

4

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pelbagai lambang kebesaran seperti nobat dan adat istiadat.

Apakah kepentingan lambang kebesaran tersebut?

- A Menunjukkan kedaulatan raja
- B Membuktikan keturunan raja
- C Mengambarkan kemewahan raja
- D Menandakan kawasan pemerintahan

5 Dalam Sistem Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka, pembesar pada peringkat jajahan telah ditugaskan untuk menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung.

Siapakah yang melantik pembesar peringkat jajahan?

- I Sultan
- II Bentara
- III Orang Kaya
- IV Pembesar Berempat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Jadual 1 berkaitan dengan revolusi yang berlaku di Eropah pada abad ke-17 dan abad ke-18.

Tahun	Revolusi
1688	Revolusi Keagungan di England
1789	Revolusi Perancis

Apakah kesan revolusi tersebut terhadap Eropah?

- A Kuasa rakyat terjejas
- B Ideologi komunis terhalang
- C Kuasa raja mutlak diperkuatkan
- D Kerajaan berperlembagaan ditegakkan

SULIT

1249/1

7 Apakah isu yang dibangkitkan oleh Persatuan Belia Buddha di Burma untuk membangkitkan semangat nasionalisme?

- A Isu bangsa
- B Isu kasut
- C Isu cukai
- D Isu pemisahan Burma dan India

8 Jadual 2 berkaitan dengan usaha golongan intelektual berpendidikan Melayu di Tanah Melayu.

Tokoh	Institusi
Za'ba	Pejabat Karang Mengarang

Apakah kepentingan penubuhan pejabat tersebut?

- I Mengasah bakat pelajar
  - II Melatih ramai penterjemah
  - III Menyatukan rumpun Melayu
  - IV Menghasilkan buku berkualiti
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

9 Senarai berikut merupakan cerpen yang dihasilkan sebelum Perang Dunia Kedua.

- Rumah Besar Tiang Sebatang
- Cerita Awang Putat
- Di Sini Kita Bukannya Orang Dagang

[www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)

Apakah tema cerpen tersebut?

- A Menyekat pengaruh komunis
- B Mewujudkan perpaduan kaum
- C Memperjuangkan nasib bangsa
- D Mengurangkan pengaruh golongan radikal

- 10 Nasionalisme di Thailand bertujuan mempertahankan kedaulatan negara dan menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan.

Bagaimakah Raja Mongkut mempertahankan kemerdekaan negaranya?

- A Menakluk Tanah Melayu
- B Menjalin hubungan dengan China
- C Bekerjasama dengan Jepun
- D Melaksanakan birokrasi Barat

- 11 Bagaimakah British berusaha membendung idea gerakan Islam dari Timur Tengah?

- A Menggugut pemimpin
- B Membubarkan pertubuhan agama
- C Menubuhkan Biro Siasatan Politik
- D Menyekat peluang belajar ke luar negara

- 12 Perang Dunia Kedua tercetus pada tahun 1939 apabila Jerman menyerang Poland.

Apakah faktor yang mencetuskan perang tersebut?

- A Persaingan kuasa imperialis
- B Keruntuhan pemerintahan beraja
- C Pembentukan pakatan ketenteraan
- D Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles

- 13 Jepun melakukan serangan di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941, diikuti Sabah dan Sarawak pada 16 Disember 1941.

Mengapakah Jepun berbuat demikian?

- A Mengeksplotasi bahan mentah
- B Menyebarluaskan ideologi baharu
- C Menamatkan penjajahan Barat
- D Menyatukan negara Asia

SULIT

1249/1

14 Ekonomi di Tanah Melayu mengalami kemerosotan semasa di bawah pentadbiran Jepun.

Apakah usaha pentadbiran Jepun mengatasi masalah tersebut?

- A Mengimport bahan makanan
- B Melaksanakan sistem ekonomi kawalan
- C Menyediakan dana untuk pertanian
- D Menjalankan hubungan dagangan

15 Bagaimanakah kuasa Barat menghalang kemaraan Jepun di Asia dalam Perang Dunia Kedua?

- A Menaja kegiatan subversive
- B Mengisytiharkan ZOPFAN
- C Melakukan serangan bom atom
- D Membentuk pertubuhan serantau

16 Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan pada 25 Julai 1946 bagi merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Apakah cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut?

- A Mengetatkan syarat kerakyatan
- B Menubuhkan Dewan Perhimpunan
- C Membentuk sistem Raja Berperlembagaan
- D Menggabungkan Singapura dengan Tanah Melayu

17 Gabungan PUTERA-AMCJA yang dianggotai oleh golongan nasionalis Melayu radikal dan golongan bukan Melayu telah dibentuk pada tahun 1947.

Apakah tujuan gabungan tersebut diwujudkan?

- A Memupuk perpaduan kaum
- B Menentang Malayan Union
- C Menolak perjanjian persekutuan
- D Menuntut kerakyatan terbuka

SULIT

1249/1

- 18 Rajah 1 merujuk kepada perubahan pentadbiran yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu.



Mengapakah British bersetuju menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Sokongan golongan radikal
  - B Desakan orang dagang
  - C Perpaduan orang Melayu
  - D Tekanan Parti Komunis
- 19 Kewarganegaraan merupakan perkara penting dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Antara berikut, yang manakah jenis kerakyatan yang telah diterima dalam perjanjian tersebut?

- I Kuatkuasa undang-undang
  - II Perkenan Majlis Raja-raja
  - III Sokongan Gabenor British
  - IV Melalui pendaftaran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 20 Berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, apakah tanggungjawab sultan dalam Dewan Perundangan Negeri?
- A Menggubal undang-undang
  - B Meluluskan kewangan
  - C Mengampunkan kesalahan jenayah
  - D Mengesahkan rang undang-undang


21

- Communist Manifesto
- Das Kapital

Apakah ideologi yang dikaitkan dengan kedua-dua karya tersebut?

- A Humanisme
- B Komunisme
- C Nasionalisme
- D Sekularisme

22 Gambar I menunjukkan pengangkutan kereta api yang disabotaj oleh komunis.



Mengapakah mereka bertindak sedemikian?

- I Melumpuhkan ekonomi
- II Merosakkan infrastruktur
- III Menyekat kemasukan buruh luar
- IV Meningkatkan kawalan di kawasan pedalaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SULIT

1249/1

23 Apakah yang dilakukan oleh British melalui Undang-Undang Darurat?

- A Menubuhkan Min Yuen
- B Melindungi pegawai Barat
- C Memindahkan penduduk
- D Membuat perjanjian

24 Antara berikut, yang manakah merujuk kepada kesan zaman darurat di negara kita?

- A Peningkatan kemasukan pelabur asing
- B Merapatkan hubungan antara kaum
- C Melambatkan proses kemerdekaan
- D Peningkatan kos perbelanjaan

25 Gambar 2 merujuk pasukan keselamatan yang ditubuhkan oleh British.



Home Guard Wanita

Apakah tugas pasukan tersebut?

- A Mengawal kemudahan infrastruktur
- B Menjaga keselamatan kawasan sekolah
- C Mengesan tempat persembunyian komunis
- D Mengawal pergerakan bekalan makanan dan ubatan

- 26 Gambar 3 di bawah adalah tokoh yang telah menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (Independence for Malaya Party) pada tahun 1950-an.



Dato' Onn Jaafar

Mengapakah beliau menubuhkan parti tersebut?

- A Mempertahankan hak peribumi
  - B Menyekat pengaruh komunis
  - C Mengurangkan pengaruh British
  - D Mewujudkan perpaduan kaum
- 27 Apakah tujuan Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) 1950 pada tahun?
- A Membangunkan ekonomi bandar
  - B Mengukuhkan kedudukan politik
  - C Meningkatkan ekonomi luar bandar
  - D Meningkatkan pendidikan orang Melayu
- 28 Mengapakah British memperkenalkan Sistem Ahli di Tanah Melayu?
- A Melaksanakan pilihan raya umum
  - B Melatih penduduk tempatan berkerajaan sendiri
  - C Mengkaji semula sistem pendidikan sedia ada
  - D Merangka perlembagaan baru

29 Antara yang berikut, yang manakah kandungan Laporan Fenn-Wu?

- I Sekolah Cina diteruskan secara berasingan di bawah sistem kebangsaan
  - II Pendidikan Sekolah Cina berorientasikan Tanah Melayu
  - III Sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu
  - IV Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

30 Apakah yang dituntut oleh Persidangan Kebangsaan yang berlangsung pada Februari 1954?

- A Diadakan pilihan raya Persekutuan
- B Memberi kemerdekaan kepada Sabah
- C Kerjasama politik antara pelbagai kaum
- D Kemerdekaan diberikan kepada Sarawak

31 Mengapakah pilihara penting di sesebuah negara?

- A Membuka ruang untuk berkempen
- B Menjadikan negara lebih bersifat terbuka
- C Memberi peluang rakyat memilih kerajaan
- D Menunjukkan peranan Suruhanjaya Pilihan raya

32 Situasi berikut berkaitan dengan syarat menjadi calon pada Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

Encik Remy merupakan warganegara Persekutuan Tanah Melayu dan berpengetahuan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Apakah kemungkinan syarat yang menggagalkan Encik Remy dari menjadi calon?

- A Berumur kurang 21 tahun
- B Tidak berkempen
- C Kurang upaya
- D Disabitkan dengan hukuman

33 Mengapakah Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 penting dalam sejarah demokrasi negara?

- A Proses pertukaran pemimpin berlaku secara berperingkat
- B Pesuruhjaya Tinggi British mentadbir dengan adil
- C Kuasa British berpindah kepada rakyat
- D Ahlinya dipilih oleh rakyat

34 Gambar 4 menunjukkan situasi berkempen dalam pilihan raya tahun 1955.



Mengapakah kempen dianggap penting dalam sesuatu pilihan raya?

- A Memperkenalkan pengundi
- B Memperjelaskan manifesto
- C Mempamerkan sikap bertolak ansur
- D Mematuhi arahan Suruhanjaya Penentuan Sempadan


35

Tuanku Abdul Rahman mencadangkan rombongan kemerdekaan menaiki kapal laut ke Kerachi, Pakistan sebelum menaiki pesawat ke London.

Apakah rasional cadangan tersebut?

- A Berbincangan dengan Raja-Raja Melayu
- B Bersetuju dengan kehendak rakyat
- C Sebagai usaha penjimatan kos
- D Menjamin keselamatan ahli rombongan

36 Gambar 5 menunjukkan barisan ahli kabinet pertama selepas Pilihan Raya Umum 1955.



Kabinet pertama pada tahun 1955

Apakah kepentingan kabinet tersebut?

- I Menyatukan parti politik
  - II Mengukuhkan kuasa Raja-raja Melayu
  - III Mewujudkan kompromi antara kaum
  - IV Mentadbir ke arah berkerajaan sendiri
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

37 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk oleh British pada Jun 1956.

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

- A Menyediakan draf perlembagaan
- B Meluluskan undang-undang
- C Membentuk Kabinet Menteri
- D Mencadangkan Sistem Ahli

38 Pengamalan Raja Berpelembagaan menjelaskan perlantikan Yang Dipertuan Agong (YDPA) yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.

Bagaimanakah pelantikan YDPA ditentukan?

- A Sistem pilihan raya
- B Pilihan Majlis Raja-Raja Melayu
- C Percalonan Perdana Menteri
- D Sistem warisan

- 39 Jawatankuasa Persediaan Fizikal bertanggungjawab menonjolkan identiti negara bagi persediaan menyambut permasuhan kemerdekaan.

Antara berikut yang manakah dikaitkan dengan identiti negara?

- I Keris
- II Jata Negara
- III Lagu *Negaraku*
- IV Wau Bulan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 40 Senarai berikut menerangkan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu.

- Badan Perundangan
- Badan Eksekutif
- Badan Kehakiman

Komponen pentadbiran tersebut dikaitkan dengan

- A kerajaan
- B kedaulatan
- C lambang negara
- D wilayah pengaruh

Dapatkan Skema di  
[www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)

**KERTAS SOALAN TAMAT**